

UNTUK SIARAN SEGERA**MBSB PERLUAS RANGKAIAN PERLINDUNGAN TAKAFUL AM MENERUSI KERJASAMA DENGAN ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD**

PETALING JAYA, 24 JULAI 2026 — MBSB Bank Berhad memperluas rangkaian perlindungannya menerusi kerjasama bankatakaful dengan Zurich General Takaful Malaysia Berhad. Kerjasama ini memberi pelanggan akses kepada pelbagai penyelesaian takaful am, termasuk perlindungan kediaman untuk pemilik rumah serta perlindungan kemalangan diri bagi individu dan perniagaan.

Kerjasama ini menambah takaful am kepada rangkaian perkhidmatan MBSB Bank, sekali gus melengkapi penyelesaian perbankan dan pengurusan kekayaan sedia ada dengan perlindungan patuh Syariah yang praktikal dan relevan untuk individu, keluarga, pemilik rumah serta perniagaan. Menerusi rangkaian cawangan dan ekosistem pelanggan MBSB Bank, pelanggan boleh mendapatkan penyelesaian perlindungan yang lebih menepati keperluan kewangan dan perlindungan harian mereka.

Majlis pelancaran tersebut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MBSB Berhad, Rafe Haneef dan Ketua Pegawai Eksekutif Negara Zurich Malaysia, Junior Cho, bersama barisan pengurusan kanan kedua-dua organisasi.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MBSB Berhad, Rafe Haneef berkata:

"Pelanggan kini mahukan perkhidmatan yang lebih menyeluruh daripada institusi kewangan mereka. Mereka mengharapkan penyelesaian perbankan dan perlindungan yang saling melengkapi serta sesuai dengan keperluan harian. Kerjasama dengan Zurich General Takaful Malaysia Berhad membolehkan kami memperluas rangkaian perlindungan dan memudahkan pelanggan mendapatkan takaful am menerusi saluran yang sudah mereka kenali dan percayai."

Ketua Pegawai Eksekutif Negara Zurich Malaysia, Junior Cho berkata:

"Di Zurich Malaysia, kami percaya perlindungan perlu mudah diakses, praktikal dan sesuai dengan keperluan sebenar pelanggan hari ini. Menerusi kerjasama jangka panjang dengan MBSB Bank, kami memperluas akses kepada penyelesaian perlindungan patuh Syariah yang menyokong pelanggan pada pelbagai peringkat kehidupan, di samping membantu mereka melindungi perkara yang paling bermakna. Dengan menggabungkan kepakaran takaful Zurich dan hubungan kukuh MBSB Bank dengan pelanggannya, kami

berada pada kedudukan yang lebih baik untuk membantu lebih ramai rakyat Malaysia membina daya tahan kewangan dan menikmati ketenangan fikiran."

Penyelesaian takaful am yang mula ditawarkan menerusi kerjasama ini ialah:

- **Zurich Homeowner Premier Takaful** — melindungi kediaman dan barangan isi rumah daripada kejadian tidak dijangka, sekali gus membantu pemilik rumah melindungi salah satu aset terpenting dalam kehidupan.
- **Zurich MBSB GPA Takaful** — pelan kemalangan diri berkelompok yang membolehkan perniagaan dan organisasi menyediakan perlindungan kewangan kepada pekerja sekiranya berlaku kematian, hilang upaya atau kecederaan akibat kemalangan.
- **Personal Sentinel V3 Plus Takaful** — menyediakan bantuan kewangan kepada individu dan keluarga sekiranya berlaku kemalangan tidak diduga, sekali gus membantu mereka mengurus kesannya dengan lebih yakin.

Kerjasama dengan Zurich ini memperluas rangkaian perlindungan MBSB Bank dengan penambahan takaful am. Lebih banyak penyelesaian takaful am yang inovatif akan diperkenalkan pada masa akan datang. Langkah ini memberi pelanggan lebih banyak pilihan perlindungan dan menyokong usaha MBSB Bank untuk menyediakan penyelesaian perbankan dan perlindungan yang lebih menyeluruh.

Untuk maklumat lanjut mengenai penyelesaian takaful yang ditawarkan menerusi kerjasama ini, sila layari halaman Perlindungan MBSB Bank di <https://www.mbsb.com/mbsbbank/consumer-banking/wealth-management/protection>.

Manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak dilindungi oleh PIDM sehingga had yang ditetapkan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM di zurich.com.my, mbsbbank.com atau pidm.gov.my.

TAMAT

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Norsiah Juriani Johari Ketua Kumpulan Jabatan Komunikasi & Pemasaran Kumpulan Strategi Korporat Kumpulan MBSB Berhad Aras 9, Menara MBSB Bank PJ Sentral, Lot 12, Persiaran Barat, Seksyen 52 46200 Petaling Jaya, Selangor E: norsiah.johari@mbsb.com T: +6012 900 1907	Muhammad Alhafiz Sajahan Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Komunikasi & Pemasaran Kumpulan Strategi Korporat Kumpulan MBSB Berhad Aras 9, Menara MBSB Bank PJ Sentral, Lot 12, Persiaran Barat, Seksyen 52 46200 Petaling Jaya, Selangor E: alhafiz.sajahan@mbsb.com T: +6011 2723 0300
--	--

Mengenai MBSB Berhad

MBSB Berhad (MBSB) ialah sebuah kumpulan perkhidmatan kewangan yang dinamik dengan peranan jangka panjang dalam menyokong sistem kewangan negara serta pembangunan ekonomi. MBSB merupakan syarikat induk kepada MBSB Bank Berhad, MBSB Investment Bank Berhad dan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF). MBSB Bank Berhad ialah sebuah bank Islam progresif yang menawarkan penyelesaian perbankan patuh Syariah yang menyeluruh kepada pelanggan runcit, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), serta korporat, dengan penekanan yang kukuh terhadap inovasi dan pembiayaan mampan. MBSB Investment Bank Berhad berperanan sebagai cabang perbankan pelaburan dan pasaran modal Kumpulan, dengan menyediakan perkhidmatan nasihat, penyelidikan, pembrokeran ekuiti dan pasaran modal. MIDF pula memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan perniagaan dan perindustrian melalui pembiayaan pembangunan, usaha memperkukuh ekosistem PKS yang berdaya tahan dan mampan, serta disokong oleh keupayaan pengurusan asetnya.